

SOLUSI

*Panduan
Hidup
Bersyariat*



AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
Incorporated in Malaysia

MOTIVASI FARDU AIN **117**

2018 - PP 15048/05/2013 (032162)



25

Amalan
Mudah Nan
Berpahala

“Sesungguhnya Allah tidak pernah menjadikan amalan seorang Mukmin itu punya tempoh tamatnya kecuali saat kematian.”

(IMAM HASSAN AL-BASRI)

Jadilah Hamba Tuhan

Bukannya Hamba
Ramadan



Masa Depan

AHMAD DASUK ABD RANI
MENJADI ANAK
HARAPAN - 20



Zikir Fikir

AZRUL AZLAN
POST-MORTEM
RAMADAN - 42



MAJALAH INI MENGANDUNGI
AYAT SUCCI AL-QURAN,
PELIHARAHAN KESUCIANNYA

**Solat: Sebaik
baik Senjata** 18

**Seni Meluah
Rasa Marah** 94



RM10.00 (SEM)
RM12.00 (S/S)
SGD7.50
BND7.50
USD10.00
EUR8.00
IDR35,000.00
AUD7.50

ZIKIR FIKIR

Yang Tulus & Lurus



Azrul Azlan

Pemegang Ijazah Kedoktoran bahasa Arab dari University of Jordan. Kini pensyarah di UIAM. Merupakan penulis *Indahnya Hidup Bersyariat* terbitan Telaga Biru. Hubungi beliau di mohdazrulazlan@gmail.com

Post-mortem RAMADAN

R

amadan telah meninggalkan kita. Kehadiran bulan ini sepatutnya menguatkan hati dan jiwa walaupun fizikal kita sedikit lemah kerana menjaga perkara-perkara yang membatalkan puasa. Boleh sahaja kita makan secara sembunyi-sembunyi tanpa dilihat oleh sesiapa. Namun kita tetap kekal memilih untuk terus berpuasa.

Bukankah kita sedang melatih hati agar terus bersabar? Ya, kita memilih untuk menundukkan nafsu sehingga hati menjadi semakin kuat. Inilah yang selalu didoakan oleh Nabi s.a.w.:

اَللّٰهُمَّ اِهْمِنِيْ رُشْدِيْ وَقِنِيْ شَرَّ نَفْسِيْ

Maksudnya,

“Ya Allah, ilhamkan kepadaku kelurusanku dan lindungi aku daripada kejahatan nafsu.”

(Riwayat al-Tirmidzi)

Berbicara tentang nafsu, terdapat dua golongan manusia sepertimana berikut:

kita akan melalui fasa untuk melatih diri supaya menundukkan nafsu. Lalu kita menundukkan nafsu perut, nafsu lisan, nafsu syahwat, nafsu mata, nafsu telinga dan sebagainya. Namun, setelah Ramadan berlalu, golongan mana satukah yang kita pilih? Menguasai nafsu atau dikuasai olehnya?

MUHASABAH RAMADAN

Post-mortem atau muhasabah diri merupakan satu proses penilaian yang bertujuan mengetahui kekuatan dan kelemahan diri. Mengapa perlu muhasabah diri selepas berlalunya Ramadan?

GOLONGAN 1

Dikuasai oleh nafsu sehingga dibinasakan olehnya dan tunduk kepada perintah-perintahnya.

GOLONGAN 2

Menguasai nafsu sehingga nafsu tunduk kepada perintah-perintah mereka.

1 Mengetahui kelemahan diri dan memperbaikinya.

Jika tidak mengetahui kelemahan diri, mana mungkin untuk kita mengatasinya. Melalui kelemahan diri, kita akan membenci nafsu kerana Allah.

Imam Ahmad meriwayatkan daripada Abu Darda' yang mengatakan, “Seseorang tidak benar-benar memiliki kefahaman yang mendalam tentang agama sehingga dia membenci manusia kerana Allah, kemudian melihat dirinya sendiri. **Lantas membenci dirinya melebihi kebenciannya kepada orang lain.**” (Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah, *Ighasah al-Lahfan Min Masaid al-Syaitan*)

2 Mengetahui hak Allah terhadap diri.

Kadangkala kita melihat hak kita terhadap Allah dan terlupa hak Allah terhadap kita. Inilah yang menyebabkan hubungan dengan Allah terputus dan hati terhalang daripada pengetahuan dan kecintaan kepada-Nya. Begitu juga kerinduan berjumpa dengan-Nya dan kenikmatan mencintai-Nya.

Oleh itu, salah satu perkara yang paling bermanfaat untuk hati adalah kesedaran tentang hak Allah terhadap hamba-Nya. Perasaan ini akan memberikan kita beberapa manfaat iaitu:

- Menjadikan kita merendah diri serta membebaskan diri daripada perasaan bangga dan riyak terhadap amalan yang dilakukan setelah berlalunya Ramadan.
- Pintu ketundukan, kekhusyukan dan penyesalan di hadapan Allah akan terbuka.
- Perasaan putus harapan terhadap diri sendiri akan mudah diatasi apabila memahami hak Allah atas diri manusia.
- Memperoleh kebahagiaan setelah mendapatkan keampunan Allah.
- Mencegah diri daripada sikap meninggi diri kerana amalan yang dilakukan. Perlu diingat bahawa jika kita berasa bongkak dengan amalan yang dilakukan, ia tidak akan sampai kepada Allah.

2 JENIS MUHASABAH DIRI

Terdapat dua jenis muhasabah diri yang perlu kita ketahui:

1 Sebelum melakukan sesuatu perkara.

Seseorang itu perlu berhenti seketika daripada melakukan sesuatu perkara sehinggalah dia meyakini bahawa melaksanakannya lebih baik daripada meninggalkannya.

Imam Hasan al-Basri berkata, “Semoga Allah merahmati seseorang yang berhenti dahulu ketika kali pertama berkeinginan untuk melaksanakannya. **Apabila keinginan itu adalah kerana Allah, laksanakanlah, tetapi jika keinginan itu adalah kerana selain-Nya, maka tinggalkanlah.**” (Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah, *Ighasah al-Lahfan Min Masaid al-Syaitan*)

FIKIR-FIKIR

Apabila kita tergerak untuk melakukan sesuatu perkara, berhenti seketika dan berfikir:

- Adakah perkara tersebut mampu untuk dilaksanakan atau tidak?
- Adakah melaksanakannya lebih baik daripada meninggalkannya?
- Adakah niat melakukannya untuk mencari reda Allah atau mencari pujian dan penghormatan manusia?

Jika aktiviti fikir ini dilaksanakan setelah berlalunya Ramadan, nescaya kita akan membawa roh bulan ini dalam bulan-bulan yang lain.

2 Setelah melakukan sesuatu perkara.

Muhasabah diri bagi kategori ini terbahagi kepada tiga:

i - Muhasabah diri terhadap ketaatan terhadap Allah sama ada

Kadangkala kita melihat hak kita terhadap Allah dan terlupa hak Allah terhadap kita. Inilah yang menyebabkan hubungan dengan Allah terputus dan hati terhalang daripada pengetahuan dan kecintaan kepada-Nya.

semakin bertambah atau berkurangan. Adakah ia dilaksanakan seperti yang dilakukan dalam bulan Ramadan?

Perlu dijelaskan bahawa Allah memiliki enam hak dalam ketaatan:

1. Keikhlasan dalam beramal.
2. Kecintaan kepada Allah.
3. Meneladani sunnah Rasul.
4. Kesedaran tentang kebaikan yang ada pada diri kita.
5. Kesedaran tentang kurniaan Allah kepada kita.
6. Kesedaran tentang kekurangan kita dalam ketaatan.

ii - Muhasabah diri terhadap perbuatan yang baik ditinggalkan daripada dilaksanakan.

iii - Muhasabah diri terhadap perbuatan yang harus dan biasa dilakukan. Mengapa melakukannya? Adakah untuk mencari reda Allah dan pahala di akhirat atau menginginkan dunia yang bersifat menipu?

ReSOLUSI

Bagaimanakah untuk melakukan muhasabah diri?

- **Melihat amalan-amalan fardu.** Apabila kita mengingat adanya kekurangan, hendaklah bersegera untuk menyempurnakannya melalui cara menggantikannya dan bertaubat. Jadi, setelah berlalunya Ramadan, kita akan terus menjaga amalan-amalan fardu ini.
- **Mengetahui perkara yang dilarang.** Apabila mengetahui bahawa kita melanggar larangan Allah, bersegeralah untuk bertaubat, beristighfar dan memperbanyakkan

amalan kebaikan yang boleh menghapuskan dosa. Melalui muhasabah seperti ini, kita akan terus berhati-hati untuk melakukan sesuatu perkara walaupun Ramadan telah berlalu. Jika pada bulan Ramadan, kita mampu untuk meninggalkannya, mengapa tidak pada bulan-bulan yang lain?

- **Melakukan muhasabah terhadap kelalaian diri.**

Apabila kita lalai terhadap tujuan penciptaan diri kita iaitu sebagai hamba Allah, perbaikilah diri dengan selalu berzikir dan mengingat Allah. Jika tidak dilihat kelalaian diri, pasti kita akan mengulangi kesilapan yang dilakukan sebelum bermula Ramadan walaupun telah mengatasinya ketika berada dalam bulan ini.

- **Bermuhasabah setiap perkataan yang dilafazkan** dan diucapkan, ke manakah kaki kita melangkah? Apa yang tangan lakukan? Apa yang telinga dengar? Apa yang mata lihat? Apa yang diinginkan melalui amalan yang dilakukan? Untuk siapa kita lakukannya? Apa tujuan kita melakukannya? Percayalah bahawa kita pasti akan ditanya dan segala perkara yang dilakukan termasuklah pendengaran, penglihatan dan hati akan dihitungkan.
- **Bertanya sejauh mana kita menggunakan nikmat yang diperolehi.** Adakah nikmat tersebut diperolehi dari jalan yang halal dan digunakan di jalan yang benar? Sejauh mana kita bersyukur dalam bulan Ramadan dan bagaimana pula setelah ia meninggalkan kita? 